



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 040102 dan 040103 bagi sebut harga seperti berikut:

BIL.	TAJUK SEBUT HARGA	NO. SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK
1.	Perkhidmatan Penyewaan Ruangan Niaga dan Perkhidmatan Kafeteria Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Bangunan Menara Sri Saujana dan Pusat Komuniti Bestari (PKB), Institut Penilaian Negara (INSPEN)	MOF-13/1/2023	15 Disember 2023 (Jumaat)	07 Disember 2023, jam 10.00 pagi di Kafeteria Sri Bayu, Aras 2, Bangunan Menara Sri Sujana, INSPEN

1. Kenyataan Tawaran Sebut Harga dan Dokumen Sebut Harga ini boleh dimuat turun mulai **27 November 2023** melalui laman web rasmi Institut Penilaian Negara (INSPEN) <http://www.inspen.gov.my>
2. Tawaran sebut harga hendaklah **dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di Lampiran 1 yang disertakan.**

3. Tawaran sebut harga yang lengkap dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti butiran di bawah:

Alamat: Unit Kewangan
Aras 6, Blok Pentadbiran
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Persiaran INSPEN
43000 Kajang
SELANGOR DARUL EHSAN

4. Dokumen yang tidak lengkap atau lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
5. Penyebut harga dinasihatkan supaya menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah jika memerlukan penjelasan lanjut berkenaan sebut harga ini sebelum tamat tempoh penyerahan tawaran sebut harga :

5.1. Cik Nur Asyikin binti Dzahri - 03-8911 8633

5.2. Puan Punitha a/p Kanais - 03 – 8911 8800 Samb. 1048



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN RUANGAN NIAGA DAN PERKHIDMATAN
KAFETERIA TERMASUK KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI
BANGUNAN MENARA SRI SAUJANA DAN PUSAT KOMUNITI BESTARI (PKB),
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), JABATAN PENILAIAN DAN
PERKHIDMATAN HARTA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG, SELANGOR
DARUL EHSAN.**

No. Sebut Harga : MOF-13/1/2023

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Dokumen Pelawaaan	4 - 21
2.	Skop Penyewaan Ruangan Niaga dan Perkhidmatan Kafetaria Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan (Lampiran 1)	22 - 39
3.	Senarai Semak	40 - 44
4.	<u>Seksyen A- Profil Syarikat dan Tawaran Penyewaan</u>	45 - 52
	Lampiran A Maklumat Berkaitan Penyebut Harga	
	Lampiran A1 Borang Permohonan Penyewaan JKPTG (JKPTG/SPHP 1/04) (Bangunan Menara Sri Saujana)	53 - 55
	Lampiran A2 Borang Permohonan Penyewaan JKPTG (JKPTG/SPHP 1/04) (Pusat Komuniti Bestari)	56 - 58
	Lampiran A3 Surat Akuan Penyebut Harga	59 - 61
	Lampiran A4 Surat Akuan Pembida	62 - 63
5.	<u>Seksyen B- Menu dan Tawaran Harga</u>	
	Lampiran B Pelan Lantai (Bangunan Menara Sri Saujana)	64

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	Lampiran B1 Pelan Lantai (Pusat Komuniti Bestari)	65
	Lampiran B2 Senarai Menu dan Tawaran Harga	66 – 72
	Lampiran B3 Senarai Menu Tambahan/ Istimewa dan Tawaran Harga (jika ada)	73
6.	<u>Seksyen C- Kelengkapan</u> Lampiran C Senarai Peralatan dan Kelengkapan Yang Disediakan	74 - 75
7.	<u>Seksyen D- Pengalaman Syarikat</u> Lampiran D Senarai Pengalaman Syarikat	76
8.	<u>Seksyen E- Pengurusan Kafeteria</u> Lampiran E Senarai Pekerja/ Kakitangan Lampiran E1 Surat Perakuan dan Pengesahan Suntikan <i>Typhoid</i>	77 78
9.	Lampiran G Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak	79

INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

DOKUMEN PELAWAAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN RUANGAN NIAGA DAN PERKHIDMATAN KAFETERIA TERMASUK KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN MENARA SRI SAUJANA DAN PUSAT KOMUNITI BESTARI (PKB), INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

MUSTAHAK

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMAHAMI DAN MEMATUHI SYARAT DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI SEBUT HARGA INI.

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah bagi Perkhidmatan Penyewaan Ruangan Niaga dan Perkhidmatan Kafeteria Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Bangunan Menara Sri Saujana dan Pusat Komunit Bestari (PKB), Institut Penilaian Negara (INSPEN).
- 1.2 Sebut Harga ini tertakluk kepada Arahan kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga dan Skop/ Spesifikasi.
- 1.3 Perkataan 'Penyebut Harga yang diterima' (Approved Quotation) bermakna Penyebut Harga yang diluluskan oleh pegawai yang

menerima Sebut Harga dan Penyebut Harganya mematuhi semua syarat-syarat Sebut Harga ini.

- 1.4 Penyebut Harga dalam syarat ini adalah dimaksudkan kepada satu atau lebih daripada satu orang.
- 1.5 Sebut Harga hendaklah sah laku selama tempoh sembilan puluh **(90) hari** daripada tarikh tutup Sebut Harga seperti ditetapkan di dalam surat tawaran Sebut Harga, seseorang Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harga dalam tempoh tersebut.
- 1.6 Institut Penilaian Negara (INSPEN) tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang tertinggi atau mana-mana Sebut Harga.
- 1.7 Penyebut Harga yang berjaya (jika ada) akan diberitahu melalui surat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dan Sebut Harga hendaklah sah dalam tempoh tersebut. Penyebut Harga yang berjaya dipilih mestilah menandatangani surat perjanjian dan mengemukakan **deposit sewaan** bersamaan dengan **tiga (3) bulan sewa dan bayaran sewa untuk bulan pertama dalam bentuk tunai atau bank deraf atau kiriman wang pos yang dibayar atas nama "PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA"**.
- 1.8 Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa ada sebab-sebab munasabah untuk berbuat demikian.

2. SYARAT-SYARAT BAGI PENYEBUT HARGA

- 2.1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia

2.1.1 Penyebut Harga yang dipelawa mestilah daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan kod bidang berikut:

Bil.	Sub Bidang	Kod Bidang
1.	Makanan dan Minuman (tin, botol dan bungkus)	040102
2.	Makanan Bermasak (Islam)	040103

2.1.2 Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

2.2 Syarikat bertaraf Bumiputera;

2.3 Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi syarikat;

2.4 Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) bagi organisasi;

2.5 *Memorandum and Articles* (M&A) membenarkan memegang sewaan (jika ada);

2.6 Tidak mufliis; dan

2.7 Alamat berdaftar di dalam Persekutuan.

3. SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

3.1 Satu sesi taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 07 Disember 2023 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Kafeteria Sri Bayu, Aras 2
Blok Pentadbiran
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Persiaran INSPEN
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

- 3.2 Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan menghantar **dua (2) orang** wakil sahaja.
- 3.3 Kehadiran taklimat dan lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi Penyebut Harga. Penyebut Harga **yang gagal menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini akan menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**
- 3.4 Penyebut Harga hendaklah **mendaftar** dan **menyerahkan *Borang Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak (LAMPIRAN G)*** di kaunter pendaftaran sebelum mengikuti lawatan tapak.

4. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

- 4.1 Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai.
- 4.2 Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang tertinggi, terendah atau mana-mana tawaran.
- 4.3 Kerajaan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.

- 4.4 Sekiranya terdapat apa-apa perkhidmatan yang tidak diletakkan harga, maka ia akan dianggap bahawa kos item atau barangan tersebut telah pun dimasukkan di lain-lain bahagian atau barangan di dalam kos tersebut. Sebarang tuntutan tambahan untuk perkhidmatan tersebut tidak akan dilayan.
- 4.5 Penyebut Harga hendaklah mengganti rugi Kerajaan dengan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang perlakuan, tuntutan, kos atau perbelanjaan yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh sebab-sebab atau pelanggaran paten hak milik dan reka bentuk, *trademark*, nama atau pun apa-apa hak yang dilindungi di dalam apa-apa kerja, material atau benda/ sistem atau cara-cara menggunakan, cara-cara kerja atau susunan yang digunakan atau dibekalkan oleh Penyebut Harga.
- 4.6 Klausula 4.2 dan para 4.3 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.
- 4.7 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan mana-mana tawaran boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- 4.8 Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
- 4.9 Adalah menjadi tanggungjawab (sepenuhnya) Penyebut Harga yang berjaya untuk mendapatkan lesen dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh PBT dan pihak berwajib yang lain (jika berkaitan).

- 4.10 Sebut harga hendaklah dibuat atas borang-borang sebut harga yang dikeluarkan oleh Institut Penilaian Negara (INSPEN) sahaja. **Semua borang yang berkaitan dengan sebut harga ini hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh Penyebut Harga. Mana-mana borang yang tidak ditandatangani dan dicop dengan cop syarikat akan ditolak terus daripada pertimbangan.**
- 4.11 Syarikat perlu mengemukakan salinan sijil pendaftaran premis makanan sebagai bukti kepada pihak Institut Penilaian Negara (INSPEN) sepertimana yang disyaratkan dalam Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- 4.12 Setiap syarikat dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebut harga sahaja. Tawaran sebut harga alternatif adalah tidak dibenarkan.

5. SKOP PERKHIDMATAN KAFETERIA

Skop perkhidmatan yang diperlukan adalah seperti dinyatakan di **Skop Perkhidmatan Penyewaan Ruangan Niaga dan Perkhidmatan Kafeteria Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Bangunan Menara Sri Saujana dan Pusat Komuniti Bestari (PKB), Institut Penilaian Negara (INSPEN)** seperti di **LAMPIRAN 1**.

6. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

Antara syarat-syarat perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh Penyebut Harga adalah seperti berikut:

- 6.1 Perkhidmatan yang akan diberikan mestilah mematuhi piawaian spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Kerajaan.

- 6.2 Sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi piawaian spesifikasi yang ditetapkan setelah dipersetujui tawarannya, Pihak Kerajaan boleh menolak tawaran tersebut.
- 6.3 Penyebut Harga mestilah mematuhi kehendak arahan dan tawaran yang telah ditetapkan di dalam **dokumen pelawaan ini**.

7. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

Tarikh dan masa tutup bagi penerimaan tawaran Sebut Harga ini adalah seperti berikut:

Tarikh Tutup : **15 Disember 2023 (Jumaat)**
Masa : **12.00 tengah hari**
Nombor Rujukan : **MOF-13/1/2023**

8. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Penyebut Harga dikehendaki mengisi dan mengemukakan dokumen dengan lengkap segala butir-butir di dalam Lampiran berikut:

8.1.1 Seksyen A- Profil Syarikat dan Tawaran Penyewaan

Lampiran A : Maklumat Berkaitan Penyebut Harga
Lampiran A1 : Borang Permohonan Penyewaan JKPTG
(Bangunan Menara Sri Saujana)*
Lampiran A2 : Borang Permohonan Penyewaan JKPTG
(Pusat Komunit Bestari)*
Lampiran A3 : Surat Akuan Penyebut Harga
Lampiran A4 : Surat Akuan Pembida
Dokumen Sokongan

8.1.2 Seksyen B- Menu dan Tawaran Harga

- Lampiran B2 : Senarai Menu dan Tawaran Harga
- Lampiran B3 : Senarai Menu Tambahan/ Istimewa dan Tawaran Harga (jika ada)

8.1.3 Seksyen C- Kelengkapan

- Lampiran C : Senarai Peralatan dan Kelengkapan Yang Disediakan

8.1.4 Seksyen D- Pengalaman Syarikat

- Lampiran D : Senarai Pengalaman Syarikat

8.1.5 Seksyen E- Pengurusan Kafetaria

- Lampiran E : Senarai Pekerja/ Kakitangan
- Lampiran E1 : Surat Perakuan dan Pengesahan Suntikan *Typhoid*
- Dokumen Sokongan

8.1.6 Seksyen F- Kewangan Syarikat

- Lampiran F : Salinan penyata akaun bank tiga (3) bulan terkini

- 8.1.7 Lampiran G : Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak

9. PERATURAN MENGISI DAN MENGIRIM DOKUMEN

9.1 Sampul surat Sebut Harga

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **satu (1) sampul surat** yang berlakri (*sealed*) dan ditanda bahagian hujung atas sebelah kiri sampul surat itu dengan dituliskan **Tajuk Sebut Harga dan No. Sebut Harga MOF-13/1/2023** di atas sampul surat berkenaan.

9.2 Alamat sampul surat

Tawaran Sebut Harga dengan mengikut kategori hendaklah dibuat **dua (2) salinan** dengan menggunakan Bahasa Melayu. Satu (1) salinan di tanda ‘**SALINAN ASAL**’ manakala yang lain di tanda ‘**SALINAN 1**’. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksamaan antara salinan-salinan tersebut, salinan asal akan digunakan. Sampul surat hendaklah dialamatkan kepada:

**PENGARAH
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

9.3 Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang telah ditetapkan beralamat seperti:

**INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
ARAS 6, BLOK PENTADBIRAN
PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

9.4 Penyebut Harga adalah dilarang menulis atau mencatatkan nama/ tanda syarikat di dalam dokumen tawaran. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan tawaran Penyebut Harga ditolak.

9.5 Tawaran Sebut Harga juga boleh dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta. Bagaimanapun Institut Penilaian Negara (INSPEN) tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung sebarang kelewatan atau sebagainya terhadap tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta.

10. FORMAT DOKUMEN SEBUT HARGA

10.1 Dokumen-dokumen (jadual-jadual) yang **WAJIB diisi dan dikembalikan** ialah:

a) Isi Kandungan

Mestilah terdapat satu atau lebih muka surat yang menunjukkan struktur penyusunan dokumen Sebut Harga (*Table of Content*) mengikut seksyen dan seksyen kecil.

b) Seksyen A: Profil Syarikat dan Tawaran Penyewaan

Penyebut Harga **WAJIB** membekalkan maklumat berhubung profil syarikat dan mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan dalam borang tersebut.

Dokumen wajib:

- i. Maklumat berkaitan Penyebut Harga (Lampiran A);
- ii. Borang Permohonan Penyewaan JKPTG (JKPTG/SPHP 1/04) (Lampiran A1/ A2 atau kedua-duanya);
- iii. Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran A3); dan
- iv. Surat Akuan Pembida (Lampiran A4).

Dokumen sokongan (wajib):

- v. Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia
- vi. Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera;
- vii. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Salinan Sijil Pendaftaran Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS);
- viii. Salinan kad pengenalan; dan
- ix. Salinan lesen perniagaan.

c) Seksyen B- Menu dan Tawaran Harga

Penyebut Harga perlu menyatakan cadangan menu hidangan beserta dengan tawaran harga atau lain-lain perancangan yang dicadangkan oleh Penyebut Harga. Penyebut Harga tidak tertakluk kepada cadangan menu seperti di **Lampiran B2**. Semua harga perlu dinyatakan dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Harga-harga bekalan hendaklah meliputi semua perbelanjaan. Penyebut Harga hendaklah memastikan lampiran yang disertakan **ditandatangani dan bercop rasmi syarikat**.

Dokumen wajib:

- i. Senarai Menu dan Tawaran Harga (Lampiran B2); dan
- ii. Senarai Menu Tambahan/ Istimewa dan Tawaran Harga (jika ada) (Lampiran B3).

d) Seksyen C- Kelengkapan

Penyebut Harga perlu menyenaraikan peralatan dan kelengkapan penyediaan makanan serta alatan pembersihan yang disediakan dan digunakan sepanjang tempoh kontrak. Penyebut Harga hendaklah memastikan lampiran yang disertakan **ditandatangani dan bercop rasmi syarikat**.

Dokumen wajib:

- i. Senarai Peralatan dan Kelengkapan Yang Disediakan (Lampiran C).

e) Seksyen D- Pengalaman Syarikat

Penyebut Harga perlu menyenaraikan semua pengalaman syarikat di dalam bidang penyediaan dan pembekalan makanan (kafeteria, katering, restoran, kedai makan atau lain-lain operasi berkaitan) sehingga tempoh terkini (semasa). Penyebut Harga hendaklah memastikan lampiran yang disertakan **ditandatangani dan bercop rasmi syarikat**.

Dokumen wajib:

- i. Senarai Pengalaman Syarikat (Lampiran D).

f) Seksyen E- Pengurusan Kafeteria

Penyebut Harga perlu menyenaraikan pekerja/ kakitangan yang bertanggungjawab menguruskan dan mengendalikan kafeteria sepanjang tempoh kontrak ini. Jumlah pekerja/ kakitangan hendaklah berpadanan dengan bebanan kerja yang akan dilaksanakan. Keutamaan diberikan kepada pekerja-pekerja berstatus warganegara Malaysia. Penyebut Harga hendaklah memastikan lampiran yang disertakan **ditandatangani dan bercop rasmi syarikat**.

Dokumen wajib:

- i. Senarai Pekerja/ Kakitangan (Lampiran E); dan
- ii. Surat Perakuan dan Pengesahan Suntikan *Typhoid* (Lampiran E1).

Dokumen Sokongan (wajib):

- iii. Salinan Sijil Latihan Asas Pengendali Makanan.

g) Seksyen F- Kewangan Syarikat

Penyebut Harga perlu mengemukakan salinan penyata akaun bank bertempoh tiga (3) bulan terkini (**Ogos 2023, September 2023 dan Oktober 2023**) yang telah disahkan oleh Pegawai Bank.

Dokumen wajib:

- i. Salinan penyata akaun bank tiga (3) bulan terkini yang telah disahkan oleh Pegawai Bank (Lampiran F).

10.2 Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan sama ada ditaip atau ditulis dengan kemas dan terang. Maklumat yang tidak jelas akan menjejaskan tawaran yang dibuat. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut Harga dibenarkan menaip atau menulis maklumat itu di dalam kertas tambahan. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh Penyebut Harga dan diberi tarikh serta diletakkan cop syarikat.

10.3 Sebelum menghantar Tawaran Sebut Harga, Penyebut Harga hendaklah memeriksa Dokumen Sebut Harga dan sebarang kekeliruan hendaklah mendapatkan penjelasan dan pengesahan daripada INSPEN terlebih dahulu.

10.4 Sebarang tuntutan berkenaan alasan ketidaktahuan (*plea of ignorance*) yang dibuat kemudian tidak akan dilayan

11. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Semua tawaran harga yang ditawarkan di dalam dokumen Sebut Harga ini hendaklah sah dan tidak boleh ditarik balik dalam tempoh sekurang-kurangnya **90 hari** dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

12. PEMBATALAN PERKHIDMATAN DALAM SEBUT HARGA

- 12.1 Institut Penilaian Negara (INSPEN) berhak membatalkan salah satu perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Sebut Harga ini pada bila-bila masa, sekiranya diperlukan.
- 12.2 Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut Harga kerana urusan Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Penyebut Harga dan pihak Institut Penilaian Negara (INSPEN) tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

13. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 13.1 Institut Penilaian Negara (INSPEN) berhak mempersetujui Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.
- 13.2 Institut Penilaian Negara (INSPEN) tidak terikat mempersetujui Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga jua pun.
- 13.3 Institut Penilaian Negara (INSPEN) akan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya apabila tawarannya dipersetujui.
- 13.4 Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian kepada syarat-syarat tawaran. Sebut Harga itu tidak boleh diterima sehinggalah persetujuan bertulis daripada Penyebut Harga menyatakan bahawa pengubahsuaian syarat itu adalah diterima.
- 13.5 Apabila dipersetujui, maka suatu perjanjian hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Kerajaan dengan Penyebut Harga dan suatu perjanjian akan diadakan selepas persetujuan tersebut.

14. KEPUTUSAN SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

Institut Penilaian Negara (INSPEN) tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebut Harga. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga ini tidak akan dilayan.

15. BANTAHAN

Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan penentuan spesifikasi tidak munasabah boleh dibuat oleh Penyebut Harga dalam tempoh **tujuh (7)** hari daripada tarikh iklan tawaran Sebut Harga. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada:

**PENGARAH
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
ARAS 7, BLOK PENTADBIRAN
PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

16. URUS SETIA SEBUT HARGA

16.1 Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut berkaitan sebut harga berkenaan boleh dirujuk kepada pegawai yang dinyatakan di bawah atau secara bertulis ke alamat surat-menyurat seperti di para 9.2 (untuk perhatian:) sebelum tamat tempoh penyerahan tawaran sebut harga.

No. Nama Pegawai

1. Nur Asyikin binti Dzahri

No. Telefon Untuk Dihubungi

03-8911 8633

nurasyikin@inspen.gov.my

No.	Nama Pegawai	No. Telefon Untuk Dihubungi
2.	Punitha a/p Kanais	03-8911 8800 samb. 1048 punita@inspen.gov.my

17. TAWARAN HARGA PENYEBUT HARGA

- 17.1 Pembayaran akan dikenakan ke atas perkhidmatan yang sebenar sahaja tertakluk kepada perubahan atau penambahan dalam skop perkhidmatan.
- 17.2 Penyebut Harga yang berjaya hendaklah membayar deposit kepada Kerajaan sebanyak **tiga (3) bulan kadar sewaan dan bayaran sewa untuk bulan pertama** dalam bentuk tunai atau bank deraf atau kiriman wang pos yang di bayar atas nama “**PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA**” dan hendaklah dibuat semasa penyerahan Surat Setuju Terima Tawaran (SST) yang telah dilengkapkan.

18. POLISI INSURANS

- 18.1 Penyebut Harga yang berjaya adalah **dinasihatkan** untuk mengambil satu polisi insurans dengan perbelanjaan sendiri daripada syarikat insurans yang diperakui iaitu Polisi Insurans Ganti Rugi Pekerja dengan *Endorsement A dan B (Workmen's Compensation Insurance with Endorsement 'A' dan 'B')* dan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan lain-lain insurans yang berkaitan.

19. AKTA-AKTA YANG BERKAITAN

- 19.1 Penyebut Harga adalah diingat supaya memberi perhatian mengenai:

- a) Ordinan Menjual Barang-barang Makanan dan Dadah, 1952 (No. 28/1952);
- b) Peraturan Menjual Barang-barang Makanan dan Dadah, 1952 (PN 537/1952);
- c) Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988; dan
- e) Akta Makanan 1983.

20. KONTRAK

Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan membayar ganti rugi jika tidak mematuhi kontrak. Sebarang tuntutan kepada syarat Tawaran Harga hendaklah dibuat semasa mengemukakan Dokumen Tawaran Harga ini. Syarat Tawaran Harga ini dan Spesifikasi Perkhidmatan adalah saling mengikat Penyebut Harga yang berjaya sementara menunggu kontrak rasmi ditandatangani.

21. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 21.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan tawaran ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 21.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau di balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

21.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

22. PENUTUP

Penyebut Harga dinasihatkan agar memberi perhatian terhadap arahan-arahan yang terkandung di dalam dokumen pelawaan semasa mengisi dokumen-dokumen tawaran. Ini untuk memastikan segala maklum balas yang diperlukan difahami dan dipatuhi oleh Penyebut Harga.

[BAHAGIAN BAWAH MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN]

**SKOP PENYEWAAN RUANGAN NIAGA DAN PERKHIDMATAN KAFETERIA
TERMASUK KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN MENARA
SRI SAUJANA DAN PUSAT KOMUNITI BESTARI (PKB), INSTITUT PENILAIAN
NEGARA (INSPEN)**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Skop perkhidmatan adalah Penyewaan Ruang Kafeteria dan Perkhidmatan Kafeteria Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Bangunan Menara Sri Saujana dan Pusat Komuniti Bestari (PKB) di Institut Penilaian Negara (INSPEN).
- 1.2 Segala urusan pentadbiran, penyelarasan dan pemantauan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Ruang Komersial INSPEN.

2.0 STATUS PENYEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 040102 dan 040103, bertaraf Bumiputera serta pendaftaran masih sah laku dalam tempoh perkhidmatan.
- 2.2 Penyebut Harga diwajibkan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengurusan kafeteria, restoran atau katering. Bukti Pengalaman Penyebut Harga hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan kertas cadangan sebutharga di **LAMPIRAN D**.
- 2.3 Kegagalan Penyebut Harga mengemukakan maklumat dan dokumen terlibat boleh mengakibatkan tawaran tidak dipertimbangkan.

3.0 SKOP PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KAFETERIA

- 3.1 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan kafeteria kepada pegawai INSPEN, pelajar, peserta kursus dan individu (berkumpulan/ perseorangan) yang berurusan dengan INSPEN.
- 3.2 Penyebut Harga juga dalam tempoh tertentu serta berdasarkan keperluan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan makanan/ hidangan ringkas bagi keperluan mesyuarat atau perbincangan di INSPEN melalui borang tempahan makanan yang disediakan oleh pihak INSPEN.
- 3.3 Perbekalan makan/ minum di kafeteria ini hendaklah tertakluk kepada Ordinan Menjual Barang-barang Makanan dan Dadah, 1952 (No. 28/1952), Peraturan Menjual Barang-barang Makanan dan Dadah, 1952 (PN 537/1952) dan Akta Makanan 1983. Makanan hendaklah disediakan secara halal dan dari bahan-bahan mentah dan minuman yang telah diperakui halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- 3.4 Penyebut Harga diwajibkan untuk mematuhi apa-apa arahan dan peraturan dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 sepanjang kontrak ini berlangsung. Lain-lain *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh Kerajaan dan pihak pengurusan INSPEN wajib dipatuhi oleh Penyebut Harga. Bahan-bahan cecair pembasmi kuman dan pelitup muka hendaklah sentiasa disediakan kepada penyedia makanan dan tidak terputus bekalan. Kos-kos bagi pematuhan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 hendaklah ditanggung oleh pihak Penyebut Harga.
- 3.5 Lokasi perkhidmatan Kafeteria INSPEN ialah di:
 - 3.5.1 Kafeteria Sri Bayu, Aras 2, Bangunan Menara Sri Saujana; dan
 - 3.5.2 Kafeteria, Aras Bawah, Pusat Komunit Bestari (PKB).

- 3.6 Penyebut harga **tidak dibenarkan memasak** makanan dan minuman di dalam dan di luar ruang **Kafeteria Sri Bayu, Aras 2, Bangunan Menara Sri Saujana, INSPEN**. Hanya proses pemanasan menggunakan peralatan elektrik seperti *microwave oven* dan *flask* dibenarkan bagi memasak makanan serta air yang dijual. Kegagalan Penyebut Harga mematuhi arahan ini akan mengakibatkan kontrak dibatalkan serta-merta.
- 3.7 Penyebut harga **dibenarkan memasak** makanan dan minuman di **Kafeteria, Aras Bawah, Pusat Komuniti Bestari (PKB)**.
- 3.8 Penyebut Harga diberi pilihan untuk menyewa sama ada kedua-dua premis seperti di perkara 3.5.1 dan 3.5.2 atau salah satu daripadanya dengan melengkapkan **LAMPIRAN A1/ A2**.

4.0 MASA OPERASI PERKHIDMATAN KAFETERIA

- 4.1 Perkhidmatan kafeteria termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan di INSPEN mesti beroperasi lima (5) hari dalam seminggu mengikut sesi berikut:
- 4.1.1 Isnin hingga Jumaat: 7.00 pagi 3.00 petang
- 4.1.2 Isnin hingga Jumaat: 2.00 petang hingga 5.00 petang (pada bulan Ramadhan sahaja).
- 4.2 Penyebut Harga Kafeteria mesti bersedia beroperasi lebih masa sekiranya diperlukan.
- 4.3 Pihak Penyebut Harga dibenarkan bercuti pada perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji serta hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan cuti kelepasan am untuk negeri Selangor.
- 4.4 Penyebut Harga perlu membuat permohonan cuti secara bertulis bagi bercuti selain daripada Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji serta hari kelepasan am

untuk mendapatkan persetujuan dari Jawatankuasa Pengurusan Ruangan Komersial INSPEN. Permohonan cuti perlu dikemukakan satu (1) bulan lebih awal daripada tarikh jangkaan bercuti.

- 4.5 Jawatankuasa Pengurusan Ruangan Komersial INSPEN boleh mengarahkan Penyebut Harga untuk membuka Kafeteria pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian.

5.0 TEMPOH KONTRAK

- 5.1. Tempoh kontrak adalah untuk **dua (2) tahun**. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak perkhidmatan ini adalah bergantung kepada prestasi perkhidmatan yang dikendalikan oleh Penyebut Harga. INSPEN berhak menamatkan perjanjian kontrak sebelum berakhir tempoh kontrak dengan memberikan notis sebulan kepada Penyebut Harga jika pihak INSPEN mendapati perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.
- 5.2. Pelanjutan kontrak penyewaan boleh dibuat melalui permohonan bertulis daripada Penyebut Harga yang dibuat tidak **kurang daripada enam (6) bulan sebelum** tamat tempoh penyewaan. Maksimum pelanjutan kontrak adalah **selama satu (1) tahun sahaja**.
- 5.3. Kelulusan untuk perlanjutan kontrak penyewaan seperti mana dinyatakan di kluasa 5.2 adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Ruangan Komersial INSPEN. Keputusan jawatankuasa berhubung perkara ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

6.0 PELANGGAN

- 6.1 Pelanggan adalah terdiri daripada pegawai, kakitangan INSPEN/ JPPH, pekerja kontrak dan pelajar/ penuntut di INSPEN sebagaimana dalam jadual di bawah:

Jadual : Anggaran Bilangan Pegawai/ Kakitangan/ Pelajar/ Pekerja Kontrak di Institut Penilaian Negara (INSPEN)

Bil.	Kategori	Jumlah (orang)
1.	Pegawai dan Kakitangan INSPEN	163
2.	Pelajar (sepenuh masa)	95
3.	Pekerja Kontrak Kebersihan dan Lanskap	53
4.	Pekerja Kontrak Keselamatan	25
5.	Pegawai dan Kakitangan JPPH Sepang	20
JUMLAH		356*

* Setakat 24 November 2023

7.0 SEWA RUANG PREMIS

- 7.1 Penyebut Harga **tidak dibenarkan menyewa kecil (*sublet*) atau melepaskan Premis ini atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana pihak ketiga** melainkan dengan kebenaran dan persetujuan bertulis daripada Pengarah INSPEN.
- 7.2 Penyebut Harga dikehendaki menjelaskan bayaran sewa bulanan ruangan premis yang digunakan kepada pihak INSPEN. Semua bayaran sewa perlu dijelaskan **pada atau sebelum 7 haribulan berikutnya**. Surat peringatan akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga sekiranya gagal menjelaskan bayaran sewaan pada bulan berkenaan.
- 7.3 Harga tawaran sewaan sebulan adalah termasuk utiliti (bil air dan bil elektrik) yang diberikan kepada Penyebut Harga semasa menyertai sebut harga ini adalah muktamad.

7.3.1 Kafeteria Sri Bayu, Aras 2, Bangunan Menara Sri Saujana

Kadar Sewa : RM260.00/ bulan
Premis Termasuk (Ringgit Malaysia: Dua Ratus
Utiliti Enam Puluh Sahaja)

7.3.2 Kafeteria, Aras Bawah, Pusat Komuniti Bestari (PKB)

Kadar Sewa Premis : RM380.00/ bulan
Termasuk Utiliti (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus
Lapan Puluh Sahaja)

- 7.4 Maklumat serta kemudahan yang disediakan di dalam premis adalah seperti pelan lantai di **LAMPIRAN B dan B1**.
- 7.5 Sekiranya berjaya, Penyebut Harga perlu menjelaskan wang deposit sewaan bersamaan dengan **tiga (3) bulan kadar sewaan dan satu bulan bayaran sewa bulan semasa** di **Unit Kewangan, Aras 6, Bangunan Menara Sri Saujana, INSPEN** dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Surat Setuju Terima (SST).
- 7.6 **Resit rasmi asal** perlu dikemukakan kepada Unit Kewangan INSPEN untuk tuntutan bayaran balik deposit oleh Penyebut Harga setelah kontrak perjanjian tamat.
- 7.7 Penyebut Harga dikehendaki **membayar nilai sewaan kafeteria sehingga bulan terakhir operasi dan bukan dengan anggapan boleh menggunakan wang deposit yang telah dibayar untuk membayar sewaan di bulan-bulan terakhir pengoperasian**. Wang deposit akan dipulangkan sama ada secara penuh atau secara potongan atau tidak dikembalikan selepas kontrak tamat setelah mengambilkira kos-kos kerosakan yang perlu dibayar dan prestasi perkhidmatan yang dijalankan.
- 7.8 **Tiada pengecualian bayaran bagi bulan Ramadhan** dibenarkan mengikut sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

8.0 UTILITI

- 8.1 Kadar bayaran bil elektrik dan bil air (utiliti) telah **termasuk di dalam tawaran harga sewaan setiap premis.**
- 8.2 Namun begitu, terdapat penetapan had siling bagi penggunaan elektrik dan air (utiliti) bagi setiap premis seperti berikut:

BIL.	PREMIS	PENETAPAN HAD SILING PENGUNAAN UTILITI	
		ELEKTRIK	AIR
1.	Kafeteria Sri Bayu, Aras 2, Bangunan Menara Sri Saujana	Sehingga 316 kilowatt	Sehingga 38m ³
2.	Kafeteria, Aras Bawah, Pusat Komuniti Bestari (PKB)	Sehingga 930 kilowatt	Sehingga 73m ³

- 8.3 Penyebut Harga akan **dikenakan caj tambahan berdasarkan penggunaan sebenar elektrik dan air (utiliti)** di kedua-dua pemis berkenaan **sekiranya bacaan meter bulanan melebihi had siling yang ditetapkan.**
- 8.4 Semua bayaran utiliti perlu dijelaskan di Unit Kewangan, Aras 6, Bangunan Menara Sri Saujana, INSPEN pada atau **sebelum 7 haribulan berikutnya.** Surat peringatan akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga sekiranya gagal membuat bayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 8.5 Adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga yang berjaya untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah yang mungkin timbul ketika berlaku gangguan bekalan air dan elektrik.

- 8.6 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab untuk membayar dan menjelaskan sepenuhnya apa-apa bayaran atau tunggakan bekalan air dan elektrik kepada pihak INSPEN sebelum mengosongkan premis akibat penamatan penyewaan ini atau atas sebab-sebab lain.

9.0 LESEN PERNIAGAAN

- 9.1 Penyebut Harga adalah dimestikan mempunyai lesen perniagaan yang sah dan lesen perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan di ruangan kafeteria.
- 9.2 Satu salinan lesen perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama sebut harga perkhidmatan ini.
- 9.3 Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 040102 dan 040103, bertaraf Bumiputera serta pendaftaran masih sah laku dalam tempoh perkhidmatan. Sila keipilkan satu salinan sijil bersama-sama dengan sebut harga perkhidmatan ini.

10.0 PERATURAN MEMBEKALKAN MAKANAN

- 10.1 Makanan yang disediakan hendaklah jenis hidangan orang Islam dari jenis/kepelbagaian menu masakan kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Untuk memastikan syarat ini dilaksanakan, maka bahan-bahan makanan tersebut hendaklah **dimasak dan disediakan oleh tukang-tukang masak tempatan yang beragama Islam.**
- 10.2 Penyebut Harga perlu menyediakan tawaran/ menu harga makanan/ minuman dan dikemukakan seperti di **LAMPIRAN B2 dan B3.** Sekiranya pihak Penyebut Harga tidak meletakkan tawaran harga atau membiarkan kosong pada sesuatu jenis makanan/ minuman, pihak INSPEN akan menganggap bahawa pihak penyebut harga tidak menawarkan makanan tersebut.

- 10.3 **Menu dan harga makanan yang dijual** hendaklah **dipamerkan** seperti yang tercatat dalam senarai tawaran harga di tempat yang mudah dan senang dilihat oleh pelanggan.
- 10.4 Penyebut Harga **dibenarkan memasak serta menyediakan hidangan di Kafeteria PKB.**
- 10.5 Penyebut Harga **tidak dibenarkan untuk memasak** di **Kafeteria Sri Bayu** atau menjalankan aktiviti seumpamanya di dalam premis. Hanya makanan dan minuman sedia/ siap masak sahaja dibenarkan.
- 10.6 Makanan yang dimasak dan dijual di kaunter jualan yang telah ditetapkan hendaklah disediakan pada hari jualan yang sama dan dilarang menjual saki-baki makanan yang tidak habis dijual. Bekas penyediaan makanan ini hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan higienik.
- 10.7 Makanan yang disediakan hendaklah sentiasa ditutup kemas dan Penyebut Harga adalah dimestikan menggunakan bekas makanan berhaba sepanjang masa makanan dipamerkan di kaunter jualan.
- 10.8 Penyebut Harga hendaklah menyediakan makanan yang bersesuaian dengan citarasa pelanggan. Menu masakan yang disediakan hendaklah sentiasa **dipelbagaikan setiap hari.**
- 10.9 Penyebut Harga juga dipertanggungjawabkan dalam menyediakan makanan/ hidangan ringkas bagi keperluan mesyuarat atau perbincangan di INSPEN melalui borang tempahan makanan yang disediakan sekiranya diperlukan.
- 10.10 Makanan yang disediakan mestilah segar dan tidak digunakan semula.
- 10.11 Penyebut Harga hendaklah menyediakan pinggan mangkuk jenis kaca atau tembikar untuk mesyuarat dan pelawat INSPEN.

- 10.12 Semua peralatan yang digunakan hendaklah dicuci bersih dan disimpan di rak dengan kemas jika telah digunakan.
- 10.13 Tidak dibenarkan menggunakan premis atau membiarkan digunakan mana-mana bahagiannya bagi maksud lain daripada perniagannya sama ada bagi kegunaan sendiri atau mana-mana pihak lain seperti yang ditetapkan.
- 10.14 Tidak dibenarkan mana-mana orang mendiami atau berada di premis di luar waktu operasi perniagaan yang ditetapkan.

11.0 LAYANAN

- 11.1 Menitikberatkan layanan seperti mengangkat pinggan/ cawan, gelas dan mengelap meja sebaik sahaja selesai pelanggan makan/ minum.
- 11.2 Pekerja kafeteria hendaklah sentiasa sihat tubuh badan, tidak berpenyakit, berdisiplin semasa menjalankan tugas, rajin dan kemas. Kebersihan diri hendaklah sentiasa diberi perhatian.
- 11.3 INSPEN berhak menamatkan kontrak ini sekiranya mutu perkhidmatan dan layanan yang buruk ditunjukkan oleh pekerja-pekerja tersebut.

12.0 PERALATAN

- 12.1 Peralatan-peralatan seperti peti sejuk, kerusi, meja dan lain-lain (*jika disediakan*) oleh Kerajaan (INSPEN) hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan baik, bersih dan sempurna. Sebarang kerosakan yang berlaku hendaklah dibaiki sendiri oleh Penyebut Harga di atas daya usaha, ikhtiar dan perbelanjaan sendiri.
- 12.2 Kemudahan-kemudahan lain seperti alat-alat masakan, pinggan-mangkuk, garpu, sudu, cawan dan perabot-perabot lain, keperluan tenaga buruh dan

sebagainya adalah di bawah tanggungjawab Penyebut Harga untuk menyediakan dengan secukupnya seperti di **LAMPIRAN C** bagi menguruskan kerja-kerja di bawah kontrak ini. Barang/ alat tersebut hendaklah juga sentiasa dipastikan berada di dalam keadaan baik, bersih dan boleh digunakan sepanjang masa.

- 12.3 Peralatan penyediaan makanan, pinggan mangkuk dan peralatan dapur hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan teratur. Jika didapati peralatan tersebut rosak/ berkarat, hendaklah diganti baharu dengan serta-merta.
- 12.4 Penyebut Harga adalah dikehendaki untuk menyediakan dengan secukupnya alat-alat pembersihan dan sabun yang bersesuaian untuk digunakan bagi membersihkan pinggan-mangkuk, alat-alat dapur, ruang dapur, kaunter jualan, ruang makan dan sebagainya.

13.0 HARTA BENDA KERAJAAN

- 13.1 Segala harta benda Kerajaan yang digunakan oleh Penyebut Harga untuk menguruskan kontrak ini adalah menjadi milik Kerajaan dan penggunaannya adalah dihadkan hanya kepada kerja-kerja di bawah Kontrak Perkhidmatan ini sahaja. Sekiranya INSPEN tidak menerima apa-apa kemusykilan daripada Penyebut Harga terhadap barang perkakas Kerajaan yang disebutkan di perenggan ini, maka INSPEN akan menganggap bahawa perkakasan atau barang tersebut dalam keadaan yang baik dan sempurna.
- 13.2 Semua peralatan yang disediakan oleh pihak INSPEN adalah tetap menjadi hakmilik INSPEN dan penggunaannya adalah terhad kepada kerja-kerja di dalam kontrak ini sahaja.
- 13.3 Penyebut Harga adalah dikehendaki membuat laporan kerosakan bekalan air, elektrik atau kemudahan-kemudahan lain kepada Unit Pengurusan Harta dan Fasiliti, INSPEN dengan segera bagi mengelakkan gangguan kepada

